

Kuala Lumpur: "Sektor kewangan berperanan penting membantu ekonomi dan masyarakat dalam mengurangkan risiko perubahan iklim dan gerak balasnya pada beberapa tahun akan datang akan mempengaruhi cara institusi kewangan berinteraksi dengan perniagaan," kata Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Datuk Jessica Chew Cheng Lian.

Beliau berkata, sejajar dengan Malaysia yang komited untuk mencapai sasaran pelepasan sifar bersih pada 2050, taksonomi sektor kewangan juga dijangka menggalakkan aliran modal ke arah menyokong kegiatan peralihan, selain membangunkan asas yang kukuh untuk pe-

Sektor kewangan mampu kurang risiko kesan perubahan iklim

nilaian risiko dan pendedahan.

"Taksonomi itu tidak mengguna pakai klasifikasi dedua bagi kegiatan hijau dan yang memudaratkan alam sekitar, namun ia mengiktiraf usaha boleh dipercayai yang dilaksanakan perniagaan untuk secara aktif mengurangkan kemudahan yang mungkin timbul daripada operasi mereka terhadap alam sekitar semasa peralihan.

"Berdasarkan analisis terhadap pendedahan penting mereka kepada risiko berkaitan iklim, institusi kewangan akan diminta

mengambil tindakan untuk menangani pendedahan yang tinggi dan tidak layak," katanya ketika berucap pada persidangan Memajukan dan Membiayai Perumahan Hijau di Asia di sini, semalam.

Chew berkata, sebagai sebahagian mandat BNM untuk menguruskan risiko terhadap kestabilan kewangan, BNM berharap institusi kewangan akan memahami cara pelbagai risiko berkaitan iklim boleh

memberi kesan kepada pendedahan risiko mereka termasuk risiko kredit, pasaran dan insurans daripada kegiatan pemberian pinjaman, pengunderaitan serta pelaburan.

"Kami berharap institusi kewangan dapat mengenal pasti, menilai dan menguruskan semua risiko ini dengan baik," katanya.

Beliau berkata, BNM juga yakin sektor kewangan boleh dan perlu melakukan peranan mungkin dalam peralihan

ke arah ekonomi rendah karbon.

"Bank pusat juga memperkukuh piawaian, yang institusi kewangan diharap dapat memenuhinya selain menguruskan risiko berkaitan iklim termasuk institusi kewangan dapat bekerja dengan dan menyokong pelanggan mereka," katanya.

Beliau berkata, jika perniagaan bersedia untuk melakukan perubahan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau mereka, sektor kewangan perlu membantu perniagaan ini untuk melaksanakan peralihan terbabit.

**Malaysia komited
capai sasaran
pelepasan sifar bersih
pada 2050**